

Sistem perniagaan Islam perlu pengurus cekap

Dr M: Kepa- karan jamin kejayaan

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pelaksanaan prinsip-prinsip perniagaan atau muamalah mengikut lunas-lunas Islam, tidak semestinya menjamin perniagaan itu akan berjaya secara automatik.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan berusaha melaksanakan prinsip perniagaan Islam, kejayaannya bergantung kepada kecekapan pengurusan.

Katanya, bagi melaksanakan hukum-hukum Islam dalam sistem kewangan, terutama di zaman moden ini, umat Islam perlu mempunyai pengalaman dan kepakaran.

Oleh MAHFAR ALI

Malaysia Berhad, 49 peratus Majlis Agama/Baitulmal, Yayasan Islam dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam negeri-negeri.

sistem lain. Yang penting dan berkesan ialah kita buktikan kemampuan sistem Islam untuk memenuhi keperluan bukan sahaja umat Islam tetapi

elanggan
Takaful
perlu
hayati
nilai Islam

● DARI MUKA 1

pertama ditubuhkan di

"Ilmu pengetahuan mengenai hukum-hukum Islam yang bersangkutan sahaja tidak memadai. Bagi menubuh dan menjalankan syarikat takaful, kita juga berkehendakkan kepada ilmu pengetahuan dan kepakaran mengenai selok belok perniagaan insurans itu sendiri," jelasnya.

Di samping itu, katanya, umat Islam memerlukan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang-bidang seperti pengurusan syarikat dan tenaga manusia, perakaunan, perundangan dan penggunaan alat-alat moden.

Ini penting bagi membolehkan syarikat itu berjalan dengan sempurna, katanya ketika melancarkan Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd - syarikat insurans Islam pertama di negara ini dan rantau sebelah sini - di sini hari ini.

Syarikat Takaful Malaysia mempunyai modal berbayar \$10 juta. Sebanyak 51 peratus dimiliki oleh Bank Islam

Malangnya, kata Perdana Menteri, ketiadaan pengalaman dan kepakaran mengenai aktiviti itu, menyebabkan umat Islam di seluruh dunia gagal menjayakan hukum-hukum Islam di bidang perniagaan, terutama di zaman moden ini.

Slogan

"Semua ilmu ini berkaitan rapat dengan ajaran Islam. Tidak akan berjaya dan sempurna masyarakat Islam jika selain membuat ibadat mereka tidak ada kebolehan," tambahnya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap umat Islam tidak membuang tenaga melancarkan slogan-slogan yang enak didengar tetapi kosong isinya.

Sebaliknya, kata beliau, umat Islam perlu melangkah setapak demi setapak ke arah pelaksanaan hukum-hukum muamalah ini.

"Tidak ada gunanya kita mengecam sistem-

masyarakat keseluruhannya," legasnya.

Perdana Menteri berkata, perlancaran Syarikat Takaful bermakna umat Islam negara ini melangkah setapak lagi bersama umat Islam di negara-negara lain dalam membina asas-asas sistem kewangan Islam.

Kira-kira dua tahun lalu, Malaysia melancarkan Bank Islam, sebuah bank perdagangan Islam

● MUKA 2 ruang 1

negara ini.

Serentak itu, beliau mengingatkan pihak pengurusan syarikat berkenaan supaya amanah dan tidak menyeleweng kerana perbuatan keji itu akan memburukkan agama Islam.

"Saya juga mengingatkan semua bakal pelanggan Syarikat Takaful supaya menghayati nilai-nilai Islam. Janganlah ada antara mereka yang cuba memberi keterangan palsu ketika mengisi borang, mungkir membuat sumbangan bujukan ataupun mengemukakan tuntutan-tuntutan palsu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Islam memandang berat pelaksanaan syarat-syarat yang dipersebutkan dan dimeteraikan dalam sesuatu perjanjian.

Katanya, perjanjian itu hendaklah dilaksanakan dengan jujur, amanah dan bertanggungjawab.